

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **09.10.2014**

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dilakukan oleh Kerajaan terhadap skandal penjualan kereta mewah terpakai tanpa duti import dari Langkawi keluar Langkawi dengan surat pengecualian duti kastam yang sah. Apakah Kerajaan akan mengecualikan cukai terhadap mangsa pembeli tersebut memandangkan mereka tertipu oleh surat Kastam.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah melakukan aktiviti risikan dan pemerhatian terhadap skandal penjualan kereta mewah terpakai tanpa membayar duti import yang keluar daripada Langkawi dengan surat pengecualian duti/cukai Kastam yang sah. Berdasarkan aktiviti risikan dan pemerhatian tersebut, JKDM mendapati 2 kategori kesalahan yang berlaku berhubung dengan salahlaku kereta mewah iaitu kesalahan melanggar syarat kemudahan import sementara (*overstay*) dan fraud.

Kenderaan yang didaftarkan di Langkawi dibenarkan untuk dibawa masuk ke Kawasan Utama Kastam (KUK) dengan pengecualian duti import dan cukai jualan menggunakan kemudahan diimport sementara untuk tempoh tidak melebihi tempoh 30 hari untuk sekali perjalanan dan tidak melebihi 90 hari setahun. Kesalahan *overstay* berlaku apabila kenderaan yang terlibat tidak dibawa balik ke Langkawi setelah melebihi tempoh yang dibenarkan.

Bagi kesalahan *overstay*, Bahagian Penguatkuasaan JKDM akan merampas

kenderaan berkenaan dan kompaun di bawah seksyen 138 Akta Kastam 1967 akan dikenakan kepada pemilik kenderaan. Tuntutan ke atas duti/cukai yang terlibat ke atas kenderaan terbabit akan dilakukan dan sekiranya pemilik gagal untuk membuat bayaran cukai yang dituntut, tindakan pendakwaan di mahkamah akan diambil.

Kesalahan fraud pula berlaku dimana kenderaan yang didaftarkan di Langkawi telah dibawa masuk ke KUK menggunakan kemudahan import sementara. Kemudian, pembatalan syarat-K iaitu syarat **“Cukai Kastam Dikecualikan. Mesti Dibayar Sebelum Boleh Ditukar Kegunaan/Milik”** seperti yang disahkan pada geran dan rekod JPJ ke atas kenderaan tersebut dilakukan dengan mengemukakan permohonan kepada JPJ menggunakan borang kastam palsu. Tiada duti/cukai yang dibayar ke atas kenderaan terbabit. Walau bagaimanapun, pemilik kenderaan telah mengemukakan dokumen tersebut kepada JKDM bagi tujuan mengemaskini rekod kereta tersebut sebagai telah dibayar duti/cukai Kastam.

Bagi kes fraud, sementara siasatan dijalankan, kenderaan terbabit diberi

pelepasan di bawah seksyen 115(1)(a) Akta Kastam 1967 iaitu pemilik diminta untuk mengemukakan 10% tunai atau jaminan bank dan 90% bon am daripada nilai cukai yang dituntut. Sekiranya terbukti berlaku kesalahan fraud, tuntutan duti/cukai ke atas kenderaan terbabit akan dilakukan namun tiada kompaun dikenakan. Tindakan pendakwaan di mahkamah akan diambil sekiranya pemilik gagal untuk membuat bayaran cukai yang dituntut.

Sehingga 15 September 2014, sebanyak 114 buah kenderaan telah disita atas kesalahan *overstay* manakala 271 buah kenderaan disita atas kesalahan fraud. Siasatan terperinci dan komprehensif perlu dilakukan sebelum Kerajaan membuat sebarang keputusan berhubung pengecualian duti/cukai ke atas kenderaan yang disabitkan dengan kesalahan tersebut bagi menentukan bahawa ia adalah kes pemilik teraniaya (*innocent owner*). Semua faktor akan diambil kira dan diberi pertimbangan sewajarnya supaya kes seumpama ini tidak dimanipulasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.